

# PM: Gandingan ulama, umara berjaya majukan negara

UM - 13/6/2007

Oleh NIZAM YATIM dan HAMDEN RAMLI

**BANGI** 12 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, gandingan ulama dan umara (pemimpin) yang terbukti berjaya membawa kemajuan kepada negara sejak 50 tahun lalu akan terus dipertahankan.

Perdana Menteri berkata, gabungan tenaga dua golongan itu yang telah menjadi amalan sejak negara mencapai kemerdekaan akan dipereratkan lagi kerana ia terbukti berkesan bagi membolehkan rakyat berbilang kaum hidup dengan aman.

"Gandingan orang agama dan mereka yang boleh mentadbir sudah berlaku dalam sejarah kita seperti penubuhan Tabung Haji yang merupakan hasil idea antara Profesor Diraja Ungku Aziz yang mewakili kerajaan dan Sheikh Al-Azhar dari Mesir yang mewakili ulama.

"Saya mengingatkan semula perkara ini kerana kadang-kadang kita lupa seolah-olah ulama membawa dirinya sendiri dengan cara dia dan yang memerintah negara hanya umara," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Muzakarah Imam-Imam Peringkat Kebangsaan 2007 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Penasihat Agama kepada Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk program itu, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Penerangan selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk program, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Muzakarah selama lima hari yang bermula

semalam dihadiri 3,900 imam dari seluruh negara dengan matlamat memartabatkan profesion itu sebagai satu jawatan mulia yang dihormati masyarakat.

Abdullah yang merupakan penaung program itu mahu sebarang pertelingkahan membabitkan kumpulan ulama dan umara dihentikan segera.

"Saya tidak mahu kita bertengkar sesama sendiri dan jangan berlaku apa yang kita (umara) buat, ulama marah dan apa yang ulama buat, kita marah. Sebaliknya masing-masing kena nasihat-menasihati dan memberi pandangan terbaik.


"Lebih baik juga kita gabungkan keduanya supaya Islam menjadi agama yang betul-betul membawa kebaikan dan keharmonian dan mempereratkan hubungan sesama manusia," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah mengingatkan imam-imam supaya tidak mempolitikkan khutbah mereka kerana ia tidak mendatangkan faedah dan boleh membawa perpecahan kepada masyarakat.

"Para imam harus menjalankan tugas dengan amanah kerana khutbah adalah untuk pembangunan insan dan kemajuan," tegasnya.

Perdana Menteri juga mengulangi harapannya supaya tiada sesiapa di negara ini yang mempertikaikan konsep Islam Hadhari kerana ia bertujuan baik dan telah mendapat sambutan daripada negara Islam lain dan negara-negara Barat.

"Ia bukan agama baru, bukan mazhab baru, cuma sebagai panduan yang tidak terkeluar daripada (ajaran) agama untuk kita ikuti supaya dapat kita bina kekuatan dalam pelbagai bidang," jelasnya.



ABDULLAH Ahmad Badawi (kanan) bersalam dengan Menteri Tenaga dan Perlombongan Sudan, Dr. Awad Ahmed Elqazdi yang membuat kunjungan hormat ke atas beliau di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

- Bernama